



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8, KOMPLEKS E
Level 8, Block E8, Complex E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld. 8(43)
Tarikh : // April 2023

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 6 TAHUN 2023

GARIS PANDUAN PERALATAN DAN BAHAN SOKONGAN PEMBELAJARAN
PENDIDIKAN KHAS

TUJUAN

Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Garis Panduan Peralatan dan Bahan Sokongan Pembelajaran Pendidikan Khas (GP PBSPPK).

LATAR BELAKANG

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) beriltizam untuk memastikan bahawa murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) mendapat pendidikan berkualiti tinggi dan relevan berlandaskan kesamarataan hak dan pendidikan untuk semua.
3. Peralatan dan bahan sokongan pembelajaran pendidikan khas merujuk kepada jenis keperluan peralatan dan bahan sokongan pembelajaran kepada MBPK. Penggunaan peralatan dan bahan sokongan pembelajaran pendidikan khas bertujuan

untuk meningkatkan keupayaan sendiri serta keberkesanan pembelajaran MBPK di institusi pendidikan bawah KPM.

4. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 2 Tahun 2023 bertarikh 12 Januari 2023 telah meluluskan Garis Panduan Peralatan dan Bahan Sokongan Pembelajaran Pendidikan Khas.

PELAKSANAAN

5. GP PBSPPK yang disertakan bersama-sama SPI ini disediakan sebagai rujukan kepada semua pihak di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD), dan institusi pendidikan bawah KPM bagi tujuan:

- 5.1 merancang serta menyediakan peralatan dan bahan sokongan pembelajaran kepada MBPK;
- 5.2 menjadi panduan bagi tujuan permohonan atau perbekalan peralatan dan bahan sokongan pembelajaran pendidikan khas;
- 5.3 mengenal pasti jenis peralatan dan bahan sokongan pembelajaran pendidikan khas yang bersesuaian;
- 5.4 menjadi rujukan untuk mewujudkan, menaik taraf atau membuat peluasan program pendidikan khas; dan
- 5.5 mengoptimumkan kos serta penggunaan peralatan dan bahan sokongan pembelajaran kepada MBPK.

6. GP PBSPPK menyenaraikan peralatan dan bahan sokongan pembelajaran yang sesuai mengikut empat (4) kategori MBPK, iaitu:

- 6.1 ketidakupayaan penglihatan;
- 6.2 ketidakupayaan pendengaran;
- 6.3 ketidakupayaan fizikal; dan
- 6.4 masalah pembelajaran.

Di samping itu, peralatan dan bahan sokongan pembelajaran yang disenaraikan dalam empat (4) kategori ini juga boleh disediakan kepada MBPK kategori ketidakupayaan pertuturan dan ketidakupayaan pelbagai.

7. Setiap peralatan dan bahan sokongan pembelajaran diklasifikasikan mengikut kategori berikut:

- 7.1 peralatan yang digunakan untuk keperluan individu MBPK sendiri; dan
- 7.2 peralatan yang digunakan semasa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran.

8. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah memastikan GP PBSPPK dirujuk dan dipatuhi. Garis panduan ini boleh dimuat turun daripada laman sesawang KPM melalui pautan <https://www.moe.gov.my>.

TARIKH KUAT KUASA

9. SPI ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai tarikh SPI ini dikeluarkan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN


10. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dengan memaklumkan kandungan SPI ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, JPN, PPD dan institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HAJI PKHARUDDIN BIN HAJI GHAZALI)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

GARIS PANDUAN PERALATAN DAN BAHAN SOKONGAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN KHAS



**BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Cetakan 2023

© **Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia**

Sebarang artikel, ilustrasi dan isi kandungan dari mana-mana bahagian dalam buku ini adalah tidak dibenarkan untuk diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan lagi atau dipindahkan dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada:

Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
Kementerian Pendidikan Malaysia

Pengarah Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia berhak mengubah mana-mana maklumat yang terkandung dalam Garis Panduan Peralatan dan Bahan Sokongan Pembelajaran Khas dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

Terbitan:

Bahagian Pendidikan Khas
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 2, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 9190
Faks: 03-8888 6670

ISBN 978-967-26116-3-9



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia


Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-26116-3-9

V1.0

GARIS PANDUAN PERALATAN DAN BAHAN SOKONGAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN KHAS

**BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
2023**



Kata Alu-Aluan



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Anak yang Baik lagi Cerdik dan Salam Malaysia MADANI.

Garis Panduan Peralatan dan Bahan Sokongan Pembelajaran Pendidikan Khas (GP PBSPPK) bagi murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) ini merupakan inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam usaha memberikan pendidikan berkualiti selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Penggunaan teknologi, peralatan dan bahan sokongan pendidikan khas merupakan salah satu elemen penting bagi meningkatkan potensi MBPK serta keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP) ke arah keberhasilan MBPK.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam penggubalan GP PBSPPK khususnya, Bahagian Pendidikan Khas kerana sentiasa menyahut seruan KPM untuk bersama-sama berganding bahu memajukan sistem pendidikan. Harapan saya, GP PBSPPK ini dapat membantu para pendidik serta pihak berkaitan untuk mengenal pasti jenis peralatan dan bahan sokongan yang bersesuaian dan relevan untuk individu MBPK setiap kategori.

Semoga dengan terhasilnya GP PBSPPK ini dapat membantu guru mencapai objektif PdP yang dirancang dengan lebih berkesan dan sistematik, seterusnya melahirkan MBPK yang berupaya bersaing pada peringkat global selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Sekian, terima kasih.


DATO' HAJI PKHARUDDIN BIN HAJI GHAZALI
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

**PENGARAH
BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS**




Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas), KPM sentiasa berusaha memajukan pendidikan khas terutama bagi menyediakan kemudahan peralatan dan bahan sokongan pembelajaran murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) di Malaysia. Penghasilan Garis Panduan Peralatan dan Bahan Sokongan Pembelajaran Pendidikan Khas (GP PBSPPK) merupakan salah satu langkah yang diambil dalam memastikan pendidikan khas di Malaysia seiring dengan keperluan dan perkembangan semasa.

Tujuan utama GP PBSPPK adalah sebagai panduan untuk mengenal pasti dan menentukan peralatan serta bahan sokongan pendidikan khas yang sesuai dan relevan bagi individu MBPK setiap kategori. Penghasilan GP PBSPPK telah melalui proses sumbang saran, penyelarasan, pemantapan dan kawalan mutu pada peringkat KPM yang melibatkan agensi kerajaan dan turut diwakili oleh pihak badan bukan kerajaan (NGO) dalam memastikan keberkesanan penggunaannya oleh semua pihak yang berkaitan.

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada panel penggubal dan semua pihak yang terlibat khususnya warga kerja BPKhas atas usaha dan komitmen yang diberi dalam menghasilkan dokumen ini. Harapan saya, semoga GP PBSPPK akan dapat membantu semua pihak yang berkaitan ke arah meningkatkan kualiti pendidikan khas seterusnya melahirkan MBPK yang cemerlang dalam pelbagai aspek.

Sekian, terima kasih.



HAJAH SALMAH BINTI JOPRI
Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
Kementerian Pendidikan Malaysia

KANDUNGAN

PERKARA		MUKA SURAT
1.0	PENDAHULUAN	1 – 3
1.1	Matlamat	
1.2	Objektif	
1.3	Definisi	
1.3.1	Peralatan	4
1.3.2	Bahan Sokongan Pembelajaran Pendidikan Khas	
2.0	PERANCANGAN KEPERLUAN PERALATAN DAN BAHAN SOKONGAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN KHAS	5
2.1	Pengenalpastian	
2.2	Pemilihan	
2.3	Latihan	
2.4	Aplikasi	
3.0	PERALATAN DAN BAHAN SOKONGAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN KHAS	6 – 7
3.1	Peralatan dan Bahan Pembelajaran	
3.2	Kategori Peralatan dan Bahan Sokongan Pembelajaran	
4.0	PERALATAN DAN BAHAN SOKONGAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN KHAS MENGIKUT KATEGORI	
4.1	Peralatan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bagi Ketidakupayaan Penglihatan	8 – 27
4.1.1	Peralatan Sokongan PdP	
4.1.2	Peralatan Sokongan Kendiri	
4.2	Peralatan Pengajaran dan Pembelajaran bagi Ketidakupayaan Pendengaran	28 – 34
4.2.1	Peralatan Sokongan PdP	
4.2.2	Peralatan Sokongan Kendiri	
4.3	Peralatan Pengajaran dan Pembelajaran Ketidakupayaan Fizikal	35 – 43
4.3.1	Peralatan Sokongan PdP	
4.3.2	Peralatan Sokongan Kendiri	
4.4	Peralatan Pengajaran dan Pembelajaran Masalah Pembelajaran	44 – 54
4.4.1	Peralatan Sokongan PdP	
4.4.2	Peralatan Sokongan Kendiri	
	PENUTUP	55
	SENARAI SINGKATAN	56
	PENGHARGAAN	57 – 58
	RUJUKAN	59


1.0 PENDAHULUAN


Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menggariskan bahawa sistem pendidikan khas di Malaysia boleh dibahagikan kepada lima dimensi:

- i. pengesanan awal, intervensi dan sokongan penjagaan kesihatan;
- ii. keluwesan, kerelevanan dan kualiti kurikulum;
- iii. guru dan tenaga pakar;
- iv. infrastruktur dan kewangan; dan
- v. kesedaran dan pelibatan awam.

Bawah dimensi keempat sistem tersebut (infrastruktur dan kewangan), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) beriltizam untuk menyediakan struktur sokongan yang mantap dari segi bantuan teknikal, sokongan infrastruktur fizikal, dan pembiayaan yang mencukupi. Oleh itu, murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) mempunyai peluang yang sama rata untuk mendapat pendidikan berkualiti tinggi dan relevan. Selaras dengan PPPM 2013-2025, segala keperluan peralatan dan bahan pembelajaran MBPK di sekolah pendidikan khas (SPK), Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif (PPI) perlu ditambah baik mengikut perkembangan masa kini.

Menurut Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas 2013), terdapat enam kategori bagi MBPK, iaitu:





Garis Panduan Peralatan dan Bahan Sokongan Pembelajaran Pendidikan Khas (GP PBSPPK) ini merujuk secara spesifik kepada peralatan dan bahan sokongan pembelajaran.

Menurut The U.S. Department of Health and Human Services (2015), peralatan teknologi bantuan adalah “alat, perkakasan, sistem atau teknologi sama ada diperolehi di pasaran atau yang telah diubah suai dan direka khusus bagi meningkatkan keupayaan orang kurang upaya (OKU) untuk berfungsi dalam kehidupan harian”.

Penggunaan peralatan khas yang bersesuaian dapat meningkatkan keupayaan untuk membaca, menulis, mengingati semula, berjalan, pengekalan atau menambah baik postur badan, melihat, mendengar, berkomunikasi dan sebagainya.

GP PBSPPK adalah selaras dengan hasrat KPM dalam menyediakan pendidikan berlandaskan kesamarataan dan pendidikan untuk semua. Perkara ini selari dengan Kod Amalan Pendidikan Murid Berkeperluan Khas (KPM, 2015) bahawa MBPK hendaklah dibekalkan peralatan khas yang mencukupi bagi membolehkan MBPK mengikuti PdP dengan berkesan. Kod Amalan Pendidikan Murid berkeperluan Pendidikan Khas (KPM, 2015) ini juga menyatakan bahawa peralatan khas yang dibekalkan tertakluk kepada jenis dan kategori MBPK. Teknologi sokongan dalam bentuk peralatan elektronik atau mekanik seperti perisian, aplikasi dan Internet dapat mengupayakan penggunaan teknologi secara optimum.

1.1 Matlamat GP PBSPPK

Menjadi rujukan kepada pegawai-pegawai bahagian di KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah untuk membantu mengenal pasti, merancang dan menyediakan peralatan serta bahan sokongan pembelajaran yang sesuai untuk MBPK di SPK, PPKI dan PPI serta institusi pendidikan yang lain.

1.2 Objektif

Secara khususnya, objektif GP PBSPPK adalah untuk:

OBJEKTIF 1

menjadi rujukan dan panduan kepada semua pihak yang berkaitan untuk:

- a) merancang serta menyediakan peralatan dan bahan sokongan pembelajaran kepada MBPK;
- b) menjadi panduan bagi tujuan permohonan atau perbekalan peralatan dan bahan sokongan pembelajaran pendidikan khas;
- c) mengenal pasti jenis peralatan dan bahan sokongan pembelajaran pendidikan khas yang bersesuaian;
- d) menjadi rujukan untuk mewujudkan, menaik taraf atau membuat peluasan program pendidikan khas; dan
- e) mengoptimumkan kos serta penggunaan peralatan dan bahan sokongan pembelajaran kepada MBPK.

OBJEKTIF 2

mengenal pasti dan menentukan jenis peralatan serta bahan sokongan pendidikan khas yang bersesuaian dengan keperluan individu MBPK bagi meningkatkan keupayaan dari aspek perkembangan kognitif, bahasa, pertuturan, sosial, emosi dan kemahiran motor.

OBJEKTIF 3

mengoptimumkan kos dan penggunaan peralatan serta bahan sokongan kepada MBPK.

1.3 Definisi



PERALATAN

Peralatan sokongan sendiri : peralatan untuk keperluan individu itu sendiri; dan

Peralatan sokongan PdP : peralatan yang digunakan semasa pelaksanaan PdP.




BAHAN SOKONGAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN KHAS

Sumber yang digunakan dalam proses atau kegiatan pembelajaran bagi membantu meningkatkan keberkesanan PdP bagi MBPK.

Contohnya: kad imbasan, pembaris kod Braille, glob timbul, bahan maujud dan sebagainya.

2.0 PERANCANGAN KEPERLUAN PERALATAN DAN BAHAN SOKONGAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN KHAS

Terdapat empat langkah dalam proses penyediaan peralatan, iaitu:



PERINCIAN PROSES **PENGENALPASTIAN**

1. Dilakukan dengan teliti kerana setiap MBPK adalah berbeza.
2. Mengambil kira penilaian perkembangan domain MBPK.
3. Penilaian atau saranan oleh pegawai profesional Multidisciplinary Team (MDT), ibu bapa atau penjaga diperlukan.

PERINCIAN PROSES **PEMILIHAN**

1. Menepati ciri-ciri mesra pengguna dan selamat digunakan.
2. Mudah dipegang, dipasang dan digunakan.
3. Membantu MBPK menjalankan aktiviti pembelajaran, kemahiran harian, riadah dan rekreasi.
4. Meningkatkan daya atau sisa pendengaran dan penglihatan.
5. Meningkatkan komunikasi MBPK.
6. Mudah digunakan dan dikawal oleh MBPK sendiri.

PERINCIAN PROSES **LATIHAN**


1. Guru dan PPM perlu menjalani latihan asas pengendalian, penyelenggaraan serta penjagaan peralatan secara sistematik.
2. Latihan asas ini harus diberi oleh pihak bertauliah.
3. Melatih MBPK untuk menjaga, mengguna dan menyimpan peralatan tersebut.

PERINCIAN PROSES **APLIKASI**

1. Tunjuk cara pengendalian peralatan dan bahan sokongan serta penggunaannya secara amali perlu diberi kepada MBPK sebelum diaplikasikan dalam PdP.
2. Penggunaan peralatan berteknologi tinggi memerlukan pengawasan dan bimbingan guru atau PPM bagi keselamatan MBPK.

3.0 PERALATAN DAN BAHAN SOKONGAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN KHAS

Peralatan dan bahan sokongan pembelajaran pendidikan khas bergantung kepada kategori ketidakupayaan, bilangan MBPK dan program yang melibatkan ruang atau bilik khas.



Kategori Peralatan dan Bahan Sokongan Pembelajaran



Garis panduan ini boleh juga digunakan sebagai panduan bagi kategori:

- **Ketidakupayaan Pertuturan**
- **Ketidakupayaan Pelbagai**


Berdasarkan keperluan, kesesuaian atau keadaan seseorang MBPK.




4.0 PERALATAN DAN BAHAN SOKONGAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN KHAS MENGIKUT KATEGORI KETIDAKUPAYAAN



4.1 KATEGORI KETIDAKUPAYAAN PENGLIHATAN



(Peringatan: Senarai alatan ini adalah mengikut kategori MBPK. Namun begitu, pemilihan alatan adalah mengikut keperluan, kesesuaian atau keadaan MBPK).


4.1.1 Peralatan Sokongan PdP




Bil.	Jenis peralatan	Justifikasi/ Kegunaan	Spesifikasi	Nisbah		Catatan
				K1 (Murid:Alat)	K2 (Ruang:Alat)	
BUTA (TOTAL BLINDNESS) / RABUN (LOW VISION)						
1.	Mesin Braille 	<ul style="list-style-type: none"> Mesin ini digunakan oleh MBPK sebagai medium penulisan. Mesin ini amat penting untuk mencatat nota, membuat latihan, kerja rumah dan keperluan dalam peperiksaan. 	<ul style="list-style-type: none"> Dimensi: <ul style="list-style-type: none"> panjang: 37cm lebar: 23cm tinggi: 15cm Terdiri daripada 42 sel dan 27 baris. Saiz kertas maksimum: 29.2cm x 35.6cm Papan kekunci: reka bentuk ergonomik dengan standard kekunci Perkins. 	1:2 1:1 (prasekolah)	Mengikut Keperluan	<ul style="list-style-type: none"> Mesin ini juga digunakan oleh MBPK rabun mengikut keperluan tahap penglihatan individu. Peralatan ini boleh dipertimbangkan kepada MBPK rabun sekiranya: <ol style="list-style-type: none"> daya penglihatan semakin merosot;

Bil.	Jenis peralatan	Justifikasi/ Kegunaan	Spesifikasi	Nisbah		Catatan
				K1 (Murid:Alat)	K2 (Ruang:Alat)	
	Kertas Kraf 	<ul style="list-style-type: none"> • Kertas kraf adalah kertas yang digunakan bersama-sama mesin Braille untuk menghasilkan tulisan Braille. 	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian tepi: Kiri dan kanan mudah laras. • Loceng: 7 ruang ke baris terakhir. • <i>Carriage</i>: Bebas digerakkan dalam lingkungan bahagian tepi. • Dilengkapkan dengan sarung penutup mesin Braille dan pemadam kayu. 			<ul style="list-style-type: none"> ii. sukar menulis dengan jelas; iii. sukar menulis di dalam ruang yang disediakan; iv. tulisan terlalu kecil; dan v. lambat dalam menulis (jauh ketinggalan daripada rakan kelas).
2.	Smart Brailer  	<ul style="list-style-type: none"> • Paparan simulasi Braille pada skrin dengan audio yang digunakan untuk membantu guru dan MBPK dalam proses pembelajaran multi-sensori. • Sesuai digunakan sebagai intervensi awal bagi MBPK. • Dilengkapi dengan pembesar suara dan berfungsi menukar tulisan kepada suara (text to speech). 	<ul style="list-style-type: none"> • Spesifikasi minimum: <ul style="list-style-type: none"> • terdiri daripada 28 sel dan 26 baris • saiz kertas maksimum: mengikut saiz mesin; • saiz minimum skrin: 10.9 cm dan resolusi 480 x 272 pixels; 	1:1	Mengikut keperluan	<ul style="list-style-type: none"> • Menggalakkan pembelajaran kolaboratif antara MBPK penglihatan dan murid arus perdana; dan • Mesin ini lebih sesuai menggunakan Kertas Master bersaiz maksimum A4 dan berat 140g.



Bil.	Jenis peralatan	Justifikasi/ Kegunaan	Spesifikasi	Nisbah		Catatan
				K1 (Murid:Alat)	K2 (Ruang:Alat)	
			<ul style="list-style-type: none"> • audio: <i>built-in speaker</i>; dan • aksesori: fon kepala. 			
3.	<p><i>Slate and Stylus</i> atau <i>Writing Frame</i></p> 	<ul style="list-style-type: none"> • Digunakan sebagai sebahagian daripada alat untuk MBPK mendapat pendedahan tentang penulisan braille dengan tangan tanpa menggunakan mesin Braille. 	<ul style="list-style-type: none"> • Ringan, mudah dibawa dalam beg atau dalam poket dan di tangan. • <i>Slate</i> disediakan dalam 2, 4, 6, 9, 13 dan 27 baris. 	1:1	Mengikut keperluan	<ul style="list-style-type: none"> • Sesuai digunakan untuk membuat label, mencatat nota, nombor telefon, nota ringkas dan digunakan di dalam dan luar bilik darjah. • Tidak memerlukan bekalan elektrik, bateri dan kelengkapan khas yang lain.
4.	<p>Mesin Paparan Braille Elektronik</p> 	<ul style="list-style-type: none"> • Berfungsi seperti mesin Braille tetapi mempunyai fungsi tambahan seperti yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> • paparan Braille; • menyokong penggunaan kad memori untuk menyimpan data 	<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai dua pilihan model, iaitu paparan 20 sel dan 40 sel Braille. • Tetapan bahagian tepi boleh laras. • Mempunyai penunjuk (cursor) bagi setiap sel untuk tujuan pencarian. 	1.1	Mengikut Keperluan	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh digunakan bersama dengan peranti atau <i>stand alone</i>.



Bil.	Jenis peralatan	Justifikasi/ Kegunaan	Spesifikasi	Nisbah		Catatan
				K1 (Murid:Alat)	K2 (Ruang:Alat)	
		<ul style="list-style-type: none"> • bahan storan boleh dibaca dan disunting. • boleh disambungkan dengan komputer sebagai papan kekunci. • boleh disambungkan dengan telefon bimbit (android atau iOS). 	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh dihubungkan ke peranti melalui perisian pembaca skrin. 			
5.	Tablet <i>Braille</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Menjimatkan kos pencetakan dan mudah alih. • Medium literasi Braille mudah alih. • Berupaya menterjemah teks kepada Braille, secara tidak langsung dapat menambah sumber bahan bacaan kepada murid. • Murid terdedah kepada informasi terkini, secara tidak langsung akan mewujudkan persekitaran inklusif kepada murid. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kombinasi paparan braille dan skrin sesentuh. • Mempunyai sambungan Internet. • Mampu melancarkan pelbagai aplikasi. • Skrin paparan pula memaparkan paparan utama yang memaparkan pelbagai aplikasi. • Menyokong penggunaan kad memori untuk menyimpan data. 	1:1	Mengikut Keperluan	<ul style="list-style-type: none"> • Mudah alih. • Boleh digunakan untuk semua kategori ketidakupayaan penglihatan. • Menggalakkan pembelajaran kolaboratif antara MBPK ketidakupayaan penglihatan dan murid arus perdana.




Bil.	Jenis peralatan	Justifikasi/ Kegunaan	Spesifikasi	Nisbah		Catatan
				K1 (Murid:Alat)	K2 (Ruang:Alat)	
		<ul style="list-style-type: none"> • Menterjemah maklumat teks kepada suara, Braille dan grafik taktil. • Menterjemah ke dalam pelbagai bahasa. • Digunakan untuk melayari Internet, menyunting dokumen dan bermain permainan komputer. • Berkeupayaan untuk menyimpan data. 				
6.	Set <i>Cubarithm</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Digunakan sebagai alat pengiraan yang diaplikasikan dalam mata pelajaran Matematik. 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Cubarithm</i> mempunyai tapak (slate) yang terdiri daripada 20 lajur dan 15 baris serta mempunyai petak-petak kecil berukuran 1cm x 1cm. • Disertakan dengan kiub (pegs) yang mempunyai enam permukaan. Setiap satu permukaan mengandungi satu digit. 	1:1	Mengikut keperluan	<ul style="list-style-type: none"> • Memudahkan murid membuat pengiraan dalam bentuk lazim dan persamaan, dan pengiraan spontan dalam proses PdP.






Bil.	Jenis peralatan	Justifikasi/ Kegunaan	Spesifikasi	Nisbah		Catatan
				K1 (Murid:Alat)	K2 (Ruang:Alat)	
			<ul style="list-style-type: none"> Lima (5) permukaan kiub mewakili digit 0 hingga 9 dan satu permukaan lagi mewakili simbol operasi. 			
7.	Kalkulator Manual Bersuara 	<ul style="list-style-type: none"> Digunakan dalam PdP bagi pengiraan pantas matematik dan sebagainya. Sesuai digunakan untuk ujian dan dalam bilik peperiksaan. 	<ul style="list-style-type: none"> Kalkulator bersuara yang mengandungi 10 digit. Tulisan besar pada skrin, ringan dan boleh dibawa ke mana-mana. Disertakan dengan fon kepala. 	1:1	Mengikut Keperluan	<ul style="list-style-type: none"> Digunakan dengan fon kepala untuk mengelakkan daripada gangguan bunyi persekitaran dan membantu murid fokus.
8.	Kalkulator Sainifik Bersuara 	<ul style="list-style-type: none"> Digunakan oleh MBPK untuk pengiraan yang lebih kompleks dan pantas terutamanya dalam bilik peperiksaan. 	<ul style="list-style-type: none"> Mempunyai spesifikasi sama seperti kalkulator saintifik biasa tetapi boleh mengeluarkan suara dan ringan. Mempunyai kekunci nombor yang besar. 	1:1	Mengikut keperluan	<ul style="list-style-type: none"> Memudahkan MBPK menggunakannya dalam ujian atau bilik peperiksaan. Digunakan dengan fon kepala untuk mengelakkan daripada gangguan bunyi persekitaran dan membantu MBPK fokus.




Bil.	Jenis peralatan	Justifikasi/ Kegunaan	Spesifikasi	Nisbah		Catatan
				K1 (Murid:Alat)	K2 (Ruang:Alat)	
	<p>Fon Kepala</p>  <p>Pengecas</p> 		<ul style="list-style-type: none"> • Kelantangan bunyi yang boleh dilaras. • dikuasakan oleh bateri atau elektrik. • Bateri cas semula. • Disertakan dengan fon kepala, pengecas, kabel USB dan bateri. 			<ul style="list-style-type: none"> • MBPK rabun teruk (profound low vision) juga boleh menggunakannya. • Digunakan oleh MBPK sekolah menengah.
9.	<p>Glob Dunia Taktil</p> 	<ul style="list-style-type: none"> • Digunakan oleh MBPK dalam PdP terutama mata pelajaran Geografi. 	<ul style="list-style-type: none"> • Glob yang bergrafik taktil. • Mempunyai tapak. 	3:1	Mengikut keperluan	



Bil.	Jenis peralatan	Justifikasi/ Kegunaan	Spesifikasi	Nisbah		Catatan
				K1 (Murid:Alat)	K2 (Ruang:Alat)	
10.	Set Geometri Timbul (Braille) 	<ul style="list-style-type: none"> Direka khas dalam bentuk taktil bagi kegunaan MBPK sebagai alat pengukur dalam PdP terutama mata pelajaran Matematik, Geografi dan Sains. 	<ul style="list-style-type: none"> Mengandungi alat pengukur dalam bentuk Braille. Mudah alih dan ringan. 	1:1	Mengikut keperluan	<ul style="list-style-type: none"> Alat ini dibekalkan untuk MBPK ketidakupayaan penglihatan di sekolah menengah.
11.	Pembaris Taktil (Tactile ruler) 	<ul style="list-style-type: none"> Digunakan sebagai alat pengukur. 	<ul style="list-style-type: none"> Pembaris yang mempunyai tanda timbul pada setiap ukuran 5mm dan 50mm. Setiap 10 mm pada pembaris diselang selikan dengan warna hitam dan kuning untuk mudah dikesan oleh MBPK rabun. 	1:1	Mengikut keperluan	




Bil.	Jenis peralatan	Justifikasi/ Kegunaan	Spesifikasi	Nisbah		Catatan
				K1 (Murid:Alat)	K2 (Ruang:Alat)	
12.	Papan Lukisan TactiPad (TactiPad Drawing Board) 	<ul style="list-style-type: none"> • Membolehkan MBPK melukis taktil dengan sendiri tanpa bantuan. • Membantu dalam melukis graf, jadual, carta bar, carta pie dan lain-lain. • <i>TactiPad</i> berfungsi sebagai skrin sentuh untuk akses kepada informasi digital bersuara pada lukisan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Set yang mengandungi pembaris lurus, pembaris segi tiga, protractor dan kompas. • Mempunyai lapan (8) butang boleh laras dan indikasi ukuran di keliling permukaan tapak untuk mengawal pad supaya tidak bergerak semasa melukis. • Disertakan dengan <i>TactileView drawing and production software</i> dan pen digital sebagai penunjuk. 	1:1	Mengikut Keperluan	<ul style="list-style-type: none"> • Lukisan dibuat pada kertas plastik <i>foil</i> nipis yang diletakkan di atas pengalas getah. • Lukisan akan timbul serta merta apabila ditekan kuat pada <i>foil</i> tersebut. Imej yang dilukis akan terbentuk.
13.	Brailleblox 	<ul style="list-style-type: none"> • Memudahkan MBPK belajar mengenal huruf Braille. • Sesuai digunakan sebagai intervensi awal bagi MBPK. 	<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai papan elektronik utama yang bersuara. • Mempunyai blok huruf Braille A-Z • Dikuasakan oleh bateri. 	2:1	Mengikut keperluan	<ul style="list-style-type: none"> • Blok huruf Braille yang diletakkan di atas papan elektronik utama akan dapat disentuh oleh MBPK dan didengari sebutan huruf tersebut.

Bil.	Jenis peralatan	Justifikasi/ Kegunaan	Spesifikasi	Nisbah		Catatan
				K1 (Murid:Alat)	K2 (Ruang:Alat)	
14.	<p>Kanta Pembesar Elektronik (Close Circuit Television Magnifier)</p> <p>i) Mudah Alih</p>  <p>ii) Desktop</p>  <p>iii) <i>Handheld Electronic Magnifier</i></p> 	<ul style="list-style-type: none"> • Alat elektronik berfungsi sebagai alat pembesar imej. • Digunakan untuk memudahkan MBPK rabun membaca teks mengikut saiz tulisan masing-masing. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelbagai pilihan paparan mengikut keperluan MBPK seperti tetapan hitam putih dan berwarna. • Kecerahan paparan, ketinggian dan fokus boleh laras. • Mempunyai skrin dan tapak meletakkan buku. • Mempunyai kamera beresolusi dan saiz imej boleh laras. • Mempunyai skrin 4.5", 5" dan 7". • Mempunyai lima jenis pilihan kontra paparan. 	1:1	Mengikut keperluan	<ul style="list-style-type: none"> • Kanta pembesar elektronik boleh dilipat dan mudah alih dibawa ke mana sahaja. • Menggunakan bateri dan bekalan elektrik. • Kanta pembesar <i>desktop</i> sesuai digunakan untuk PdP dalam kelas sahaja kerana berat dan memerlukan bekalan elektrik.




Bil.	Jenis peralatan	Justifikasi/ Kegunaan	Spesifikasi	Nisbah		Catatan
				K1 (Murid:Alat)	K2 (Ruang:Alat)	
			<ul style="list-style-type: none"> • Boleh mengambil gambar, boleh laras dan mudah alih. 			
15.	Kanta Pembesar i) <i>Stand Magnifier</i>  ii) <i>Manual Magnifier</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Kegunaannya untuk membesarkan saiz tulisan dan imej bagi memudahkan MBPK penglihatan rabun membaca. 	<ul style="list-style-type: none"> • Didatangkan dalam pelbagai bentuk. • Mempunyai pemegang dan mudah disimpan. • Disertakan dengan lampu pada kanta dan menggunakan bateri. • <i>Telescopic Vision Aids</i> boleh digantungkan pada leher. 	1:1	Mengikut Keperluan	<ul style="list-style-type: none"> • Sesuai digunakan untuk murid rabun. <p><i>Binocular Magnifiers</i></p>  <p><i>Telescopic Vision Aids</i></p> 
16.	Lampu Meja Berkanta Pembesar 	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan pencahayaan yang baik bagi memastikan MBPK rabun boleh membaca dan belajar dengan berkesan. • Mudah laras berserta kanta pembesar. • Disediakan bersama-sama manual 	<ul style="list-style-type: none"> • Mudah alih. • Sumber cahaya putih daripada lampu LED. • Kanta pembesar bersaiz 3.5”. • Dikuasakan bateri dan boleh dicas. 	1:1	Mengikut Keperluan	





Bil.	Jenis peralatan	Justifikasi/ Kegunaan	Spesifikasi	Nisbah		Catatan
				K1 (Murid:Alat)	K2 (Ruang:Alat)	
		pemasangan dan penggunaan.				
17.	<p>Mesin Embosser</p> <p>i) Embosser Basic-D</p>  <p>ii) Embosser Everest-D</p> 	<ul style="list-style-type: none"> Mesin elektronik yang berfungsi untuk mencetak teks Braille. 	<ul style="list-style-type: none"> <i>Tractor-fed Braille Embosser.</i> Boleh mencetak sebelah atau kedua-dua belah muka surat. 100-120 aksara atau saat. Tulisan cetak dan Braille atas panel kawalan pada mesin. Boleh mencetak secara menegak dan melintang. Mempunyai arahan bersuara. Boleh disambung kepada peranti mudah alih. Disambungkan kepada komputer menggunakan Perisian Penterjemah Braille. Cetakan juga boleh dijalankan secara 	7:1	Mengikut keperluan	<ul style="list-style-type: none"> Perlu digunakan bersama-sama: <ul style="list-style-type: none"> satu set komputer; mesin pengimbas (mengikut keperluan); satu perisian; dan kertas cetakan. <p><i>Plain Roll Emboss Paper</i></p> 





Bil.	Jenis peralatan	Justifikasi/ Kegunaan	Spesifikasi	Nisbah		Catatan
				K1 (Murid:Alat)	K2 (Ruang:Alat)	
			terus melalui pemacu pena ke embosser.			
18.	<p>Mesin Pencetak Gambar Rajah Taktil</p> <p>Mesin Thermoform</p> 	<ul style="list-style-type: none"> Digunakan untuk membuat salinan pendua bagi grafik taktil (rajab timbul) dan teks dalam bentuk Braille daripada salinan asal. 	<ul style="list-style-type: none"> Frame and screen manifold formats (1 per machine). DINA4 21.0 x 29.7cm. Berat: 33.6kg. Saiz bingkai: 40.6 x 40.6 x 88.9cm 	10:1	Mengikut Keperluan	<ul style="list-style-type: none"> Mesin ini digunakan dengan kertas Brailon dan kertas Master.
19.	<p>Mesin Picture in a Flash (PIAF) dan Mesin Zyfuse</p> 	<ul style="list-style-type: none"> Digunakan untuk menghasilkan grafik taktil secara manual. Cara yang mudah dan pantas untuk penyediaan grafik taktil yang ringkas dengan segera. 	<ul style="list-style-type: none"> Voltage: 120 v atau 240 v. Power: 5 A. Ketinggian: 6 inci. Lebar: 5 inci. Panjang: 20 inci. Berat: 7 kg. Manual pemasangan dan penggunaan disediakan. 	10:1	Mengikut keperluan	<ul style="list-style-type: none"> Biasanya digunakan untuk menghasilkan grafik taktil secara spontan semasa proses PdP dijalankan. Mesin pencetak gambar rajah taktil digunakan dengan: <ul style="list-style-type: none"> swell paper; PIAF pen atau; dan


Bil.	Jenis peralatan	Justifikasi/ Kegunaan	Spesifikasi	Nisbah		Catatan
				K1 (Murid:Alat)	K2 (Ruang:Alat)	
	<p><i>Swell Paper</i></p> 					<ul style="list-style-type: none"> • <i>carbon pencil</i> warna hit. 
20.	<p>Perisian Pembaca Skrin</p> 	<ul style="list-style-type: none"> • Perisian yang dipasang dalam komputer bagi membolehkan MBPK ketidakupayaan penglihatan mendengar bacaan teks daripada skrin. 	<ul style="list-style-type: none"> • Disediakan bersama-sama manual pemasangan dan penggunaan, CD-perisian dan lesen. • Boleh berfungsi dengan perisian Microsoft Office Suite, Adobe Acrobat Reader dan pelayar Internet terkini. 		1 komputer: 1 perisian	<ul style="list-style-type: none"> • Mengikut keperluan komputer yang hendak dipasang dengan perisian ini.
21.	<p>Perisian Penterjemah Braille</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Perisian yang dipasang dalam komputer untuk menterjemah teks ataupun tulisan kepada 	<ul style="list-style-type: none"> • Satu lesen untuk satu komputer. • Disediakan bersama-sama dengan manual 		1 komputer: 1 perisian	<ul style="list-style-type: none"> • Mengikut keperluan komputer yang hendak dipasang dengan perisian ini.

Bil.	Jenis peralatan	Justifikasi/ Kegunaan	Spesifikasi	Nisbah		Catatan
				K1 (Murid:Alat)	K2 (Ruang:Alat)	
		<p>tulisan Braille serta mesin cetakan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memudahkan proses transliterasi (daripada tulisan biasa ke tulisan Braille). 	<p>pemasangan dan penggunaan, CD-perisian dan lesen.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perlu dinaik taraf apabila berlaku perubahan versi. 			
22.	Perisian Mereka Grafik Taktil (Tactile Graphic Designer Software)	<ul style="list-style-type: none"> • Perisian yang dipasang dalam komputer untuk mereka bentuk grafik taktil (rajah timbul). 	<ul style="list-style-type: none"> • Disediakan bersama-sama manual pemasangan dan penggunaan, CD-perisian dan lesen. 		1 komputer: 1 perisian	
23.	Perisian Pengimbas Bersuara	<ul style="list-style-type: none"> • Perisian yang digunakan untuk menyunting teks yang telah diimbas dan membacakannya kepada pengguna. • Digunakan bersama dengan mesin pengimbas. 	<ul style="list-style-type: none"> • Disediakan bersama dengan manual pemasangan dan penggunaan, CD-perisian dan lesen. 		1 komputer: 1 perisian	<ul style="list-style-type: none"> • Versi perisian yang digunakan perlu bersesuaian dengan sistem operasi komputer.



Bil.	Jenis peralatan	Justifikasi/ Kegunaan	Spesifikasi	Nisbah		Catatan
				K1 (Murid:Alat)	K2 (Ruang:Alat)	
24.	<i>Screen magnification</i> dan <i>speech software</i>	<ul style="list-style-type: none"> Dipasang dalam komputer untuk membesarkan imej dan tulisan bagi kegunaan murid ketidakupayaan penglihatan terhad. 	<ul style="list-style-type: none"> Disediakan bersama-sama manual pemasangan dan penggunaan, CD-perisian dan lesen. 		1 komputer: 1 perisian	
25.	Set Perkakasan Pembinaan Grafik Taktil 	<ul style="list-style-type: none"> Perkakasan yang digunakan untuk menyedia dan menghasilkan grafik taktil. 	<ul style="list-style-type: none"> Set yang mengandungi manik pelbagai warna, bentuk dan saiz. Butang pelbagai warna, bentuk dan saiz. Benang pelbagai warna dan saiz. Dawai pelbagai saiz. Gunting. Pemotong dawai. Pisau pengukur. Tukul kecil. Kertas pasir pelbagai saiz. 		Jumlah alatan bergantung kepada keperluan sekolah atau program.	Pelbagai jenis manik  Pelbagai jenis benang 

Bil.	Jenis peralatan	Justifikasi/ Kegunaan	Spesifikasi	Nisbah		Catatan
				K1 (Murid:Alat)	K2 (Ruang:Alat)	
			<ul style="list-style-type: none"> • Penebuk lubang. • Set geometri. • Pembaris fleksibel. • Roda surih. • Pelapik getah. • Gam. • Penyepit. • Playar muncung tirus dan lain-lain yang berkaitan. 			<p>Pelbagai saiz klip</p>  <p>Pelbagai jenis butang</p> 
26.	Peralatan Makmal i) Termometer Elektronik Bersuara 	<ul style="list-style-type: none"> • Alatan yang digunakan sebagai alat bantu mengajar dalam PdP. 	<ul style="list-style-type: none"> • Alatan dilengkapi dengan suara. • Alatan seperti bikar, tabung uji, 		1 makmal: 5 set	Alat-alat lain: Picagari Braille 

Bil.	Jenis peralatan	Justifikasi/ Kegunaan	Spesifikasi	Nisbah		Catatan
				K1 (Murid:Alat)	K2 (Ruang:Alat)	
	ii) Bikar Braille Bertanda 		sudu penyukat disediakan tanda timbul pada setiap senggatan peralatan.			Tabung Uji Braille  Sudu Penyukat Braille 
27.	<i>Goalball</i> 	<ul style="list-style-type: none"> Digunakan untuk permainan <i>goalball</i>. 	<ul style="list-style-type: none"> Berat: 1.25kg. Mempunyai lapan lubang untuk mengeluarkan bunyi yang lebih kuat. Berloceng. Diameter: 24cm. 	8:1	Mengikut keperluan	<ul style="list-style-type: none"> Boleh dimainkan dipermukaan rata. Setiap perlawanan terdiri daripada enam pemain (3 sebelah).

Bil.	Jenis peralatan	Justifikasi/ Kegunaan	Spesifikasi	Nisbah		Catatan
				K1 (Murid:Alat)	K2 (Ruang:Alat)	
28.	Bola sepak berloceng 	<ul style="list-style-type: none"> Digunakan untuk permainan bola sepak orang buta. 	<ul style="list-style-type: none"> Berloceng. Diameter: 21 cm. Berat: 500g. 	10:1	Mengikut keperluan	<ul style="list-style-type: none"> Setiap perlawanan terdiri daripada 10 orang pemain (lima sebelah).



4.1.2 Peralatan Sokongan Kendiri


Bil.	Jenis peralatan	Justifikasi/ Kegunaan	Spesifikasi	Nisbah		Catatan
				K1 (Murid:Alat)	K2 (Ruang:Alat)	
